

21/04/2003

Usah bincang isu TPM: Muhyiddin

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengingatkan pemimpin Umno di semua peringkat supaya tidak membincangkan lagi isu bakal Timbalan Perdana Menteri selepas peralihan kuasa Oktober ini.

"Kita kena berpegang kepada prinsip parti dan hormat keputusan pucuk kepimpinan parti. Kalau kita tak hormat, macam-macam masalah boleh timbul," katanya pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Wangsa Maju di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas tindakan ketua bahagian tertentu yang masih membincangkan isu itu dalam mesyuarat bahagian.

Baru-baru ini, Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menasihatkan semua bahagian supaya tidak membincangkan isu itu dalam mesyuarat bahagian kerana beliau sendiri yang akan mengumumkannya bila tiba masanya kelak.

Abdullah juga tidak mahu perkara itu dijadikan isu kerana jika dibiarkan ia mungkin mencetuskan perebutan yang tidak sihat apabila lebih daripada seorang pemimpin dicalonkan, selain dikhuatiri boleh menimbulkan kegiatan lobi melobi hingga melahirkan bibit-bibit perpecahan yang akhirnya menggugat kekuatan parti.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, ahli Umno perlu menerima nasihat Abdullah bagi mengelak suasana politik yang mungkin tidak tenteram dalam parti.

"Saya tak nak komen banyak sangat. Kurang komen lebih baik, pasal Pemangku Presiden parti sudah sebut perkara ini dan saya harap semua orang faham dan patuh," katanya.

Mengenai persidangan bahagian yang sudah membabitkan kira-kira 80 bahagian setakat ini, beliau berkata, tidak ada sebarang aduan diterima setakat ini dan mesyuarat berjalan lancar.

Terdahulu, dalam ucapannya, Muhyiddin menasihatkan ahli Umno supaya menyelesaikan sendiri segala masalah dalaman parti dan bukannya menyerahkan kepada pucuk kepimpinan parti untuk menyelesaikan masalah mereka.

Muhyiddin berkata, ahli parti akan dianggap berlaku tidak adil kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sekiranya semua masalah yang timbul, diserahkan kepada mereka berdua untuk diselesaikan.